

# FOMEMA ADALAH MIMPI NGERI MAJIKAN NEGARA INI

Khidmat pembantu rumah di Malaysia memang diperlukan dan mendapat

## FOMEMA LAMBANG MIMPI NGERI MAJIKAN

permintaan tinggi terutama di kota-kota besar. Ini kerana segala keperluan sarahidup anggota keluarga yang tinggal di bandar adalah amat tinggi, mendesak suami dan isteri untuk bekerja. Maka urusan dalam rumah termasuk penjagaan anak terpaksa diupah untuk diurus oleh pembantu rumah yang rata-rata dibawa masuk dari Indonesia, Filipina, Myanmar, India dan negara jiran yang lain.

Khidmat pembantu rumah buat masa sekarang ini, bukan lagi melambangkan kemewahan hidup sesuatu keluarga itu sebagaimana zaman dahulu di mana keluarga bangsawan atau orang kaya-kaya mempunyai pembantu rumah menguruskan rumah dan kehidupan keluarga mereka. Kini khidmat itu adalah satu keperluan, walaupun kecek satu-satu keluarga itu agak kecil atau sempit, sepertimana juga mereka terpaksa memiliki kenderaan untuk bergerak ke sana ke sini, yang menjelaskan bahawa memiliki kereta bukan lagi menandakan satu kemewahan. Begitu juga dengan pembantu rumah sangat diperlukan dalam penghidupan sesebuah keluarga di Malaysia terutamanya di kota-kota atau di bandar.

Memandangkan sektor pekerjaan pembantu rumah tidak menarik minat wanita tempatan maka khidmat pembantu rumah yang kebanyakan dari Indonesia terpaksa digunakan. Kesempatan ini digunakan oleh Agensi Pembantu Rumah untuk mengenakan bayaran sehingga RM7,000 untuk mendapatkan khidmat seorang pembantu rumah.

Apa yang ingin saya kemukakan di sini ialah peraturan kerajaan sendiri yang seolah-olah tidak menggalakkan rakyat kita yang berada hampir dengan paras kemiskinan tetapi amat memerlukan bantuan khidmat pembantu rumah, sedangkan golongan inilah yang ramai wujud dalam masyarakat kita hari ini.

Mengapakah tidak ada sokongan dan inisiatif kerajaan untuk meringankan bebanan kumpulan ini? Faktor mampu atau tidak mampu, tidak lagi relevan kalau ingin dikaitkan khidmat pembantu rumah dalam keluarga. Jangan kita menafikan bahawa ekonomi negara turut dirancakkan oleh peranaan golongan rakyat dalam kategori ini, yang terpaksa meninggalkan anak-anak kecil mereka di rumah, untuk keluar pagi balik petang demi membiayai keperluan dan tanggungan yang dipikul. Bila mengambil pembantu rumah asing, mereka hadapi pula masalah dengan Fomema diperingkat awal dan lebih rumit lagi bila membaharui permit kerja pembantu rumah itu setiap kali.

Sebenarnya, dalam pada pihak kerajaan mengawalselia kebanjiran kemasukan pembantu rumah dari luar negara

dengan menggunakan peraturan yang ketat, terdapat pihak tertentu yang berjaya mengambil kesempatan mempengaruhi pihak pucuk pimpinan negara untuk menggunakan khidmat syarikatnya dengan meletakkan satu terma yang mewajibkan setiap orang yang mengambil pembantu rumah membayarnya, dan syarikat tersebut mengaut keuntungan yang amat lumayan !

Pihak kerajaan yang mahu memastikan pembantu rumah masuk ke negara ini bebas dari penyakit-penyakit berbahaya , sebuah syarikat swasta telah dilantik menjadi agensi kepada Jabatan Imigresyen bagi memeriksa tahap kesihatan pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini yang dipanggil FOMEMA.

Dengan adanya Fomema ini, sebelum pihak Imigresyen mengeluarkan visa kerja kepada pembantu rumah, maka majikan dikehendaki malah diwajibkan membayar khidmat Fomema RM190.00 untuk melakukan pemeriksaan kesihatan untuk pembantu rumah mereka di panel-panel klinik yang dilantik oleh Fomema sendiri.

Pengalaman saya sendiri, serta pemerhatian yang saya lakukan, terdapat bukti yang nyata bahawa panel klinik yang dilantik oleh Fomema tidak professional dan tidak telus serta bersikap &lsquo;Sambil Lewa&rsquo; dalam menjalankan tugas mereka. Saya ingin mengemukakan pengalaman peribadi kami sendiri sebagai fakta dan bukti apa yang saya perkatakan ini.

Ketika berurusan membaharui setahun lagi khidmat pembantu rumah kami, maka saya dimestikan membayar kepada Fomema sebanyak RM190.00 untuk mendapatkan khidmat dua klinik di Seri Gombak, satu untuk pemeriksaan kesihatan pembantu rumah itu dan satu lagi untuk X-ray pembantu tersebut, Saya mula menghantar pembantu rumah saya ke dua-dua klinik itu pada 17hb. November 2008 dan 18hb. November 2008. Saya mempunyai masa hampir tiga minggu untuk mendapat pengesahan tahap kesihatan pembantu rumah saya dari Fomema. Tarikh akhir pembantu rumah saya dibenarkan berada di negara ini ialah pada 7 Disember 2008. Maka saya sepatutnya mempunyai cukup masa untuk membaharui visa kerja beliau itu.

Pihak wakil Fomema di tempat melakukan proses tersebut berjanji akan menghubungi kami bila saja ia selesai diproses, dengan menjanjikan paling lewatpun urusan kami dengan Fomema itu selesai pada 1 Disember lalu. Bagaimanapun kami hanya menanti dan terus menanti&hellip;.. Saya mengambil keputusan untuk menalipon pihak Fomema pada 3hb. Disember 2008 dan yang mengejutkan saya Fomema memaklumkan kepada saya bahawa X-ray pembantu rumah saya itu terpaksa dibuat sekali lagi. Ini kononnya kerana masa melakukan X-ray itu pembantu rumah saya tidak menarik nafas, oleh itu pemeriksaan X-raynya tidak lulus dan perlu diulang X-ray semula..

Soalnya, mengapa tidak diberitahu lebih awal supaya boleh kami membuat ulangan X-ray itu lebih awal , sebelum tempoh pembantu rumah kami itu habis tempoh berkerja ! ertinya kalau saya tidak bertanya , dengan cukup hanya menunggu jawapan seperti yang dijanjikan , saya tak boleh bayangkan berapa banyak denda yang terpaksa saya bayar kepada pihak Imigresyen kerana pembantu berada di rumah kami tanpa penyambungan permit kerja. Kerana jika gagal dalam X-ray seseorang pembantu rumah tidak boleh dibaharui permit kerja mereka !

Bila saya bertanya kakitangan Fomema berkenaan di mana silapnya , beliau mengakui bahawa kesilapan berlaku di pihak petugas yang melakukan X-ray itu sepatutnya petugas berkenaan meminta pembantu rumah kami itu menarik nafas serta menahan nafas pada saat X-ray itu dirakamkan. Kalau tahu petugas itu buat silap mengapa mereka tidak menghubungi kami sedangkan nombor telefon saya ada diatas dokumen tersebut.

Saya begitu marah dan sangat kecewa dengan sikap lepas tangan mereka ini. (Sebagai makluman pembaca, saya tidak pernah menggunakan nama Datuk dalam urusan di mana-mana kaunter dan sebagainya, kerana tidak mahu dikata orang sebagai membesar diri untuk mendapat layanan bertaraf VIP, saya mahu dilayan seperti orangramai rakyat biasa). Dengan protes didalam hati saya terpaksa sekali lagi ke panel klinik itu untuk membuat X-ray pembantu saya. (saya tidak mahu beritahu disini apa yang pihak klinik berkenaan minta dari pembantu rumah saya selepas selesai buat X-ray kali kedua ini)

Pegawai yang melakukan X-ray itu menarik muka masam tanpa meminta maaf pun apabila saya menyuarakan perasaan tidak puas hati dengan sikap lepas tangan mereka itu. Berat sangatkah dagu dan lidah petugas itu sekadar untuk membuka mulut dan berkata &ldquo;maaf&rdquo; ? mana dia kempen &lsquo;Budi Bahasa Amalan Kita&rsquo; ? adakah di zon Fomema kempen budibahasa dan mesra pelanggan tidak diamalkan?

Sampai peringkat ini, kerana mereka yang menjadi punca kelambatan tersebut, pihak Fomema menyuruh saya meminta pegawai klinik itu membuat pengesahan &lsquo;on line&rsquo; supaya Fomema boleh mengeluarkan pengesahan kesihatan &lsquo;on line&rsquo; kepada Imigresen.

Saya mengikut arahan itu dengan senang hati, untuk pergi sekali lagi bertemu dengan pihak Klinik Panel Fomema tersebut. Malangnya saya diberitahu mereka tidak boleh berbuat demikian kerana mereka mesti menghantar X-ray itu ke makmal untuk dianalisa terlebih dahulu.

Masa itu sudah 4hb. Disember 2008 dan sekiranya makmal berkenaan boleh menghantar analisa itu pada hari yang sama maka Fomema akan berusaha untuk &lsquo;on line&rsquo; dengan Imigresen pada 5hb. Disember 2008 hari Jumaat selepas jam 2 petang. Saya hanya ada tarikh itu sahaja kerana 6hb dan 7hb. Disember 2008 adalah hari Sabtu dan Ahad, dimana semua kaunter urusan ditutup.

Apa yang mendukacitakan lagi ialah, pada jam 2.45 petang 5hb. Disember 2008 saya menghubungi Fomema untuk mendapat keputusan X-ray, tetapi bukan sahaja diberitahu keputusan dari makmal belum diperolehi lagi, malah satu bom baru pula meletup ! Fomema memberitahu pula keputusan pemeriksaan air kencing pembantu rumah kami tidak memuaskan dan mesti dibuat sekali lagi . Saya diminta menghubungi doktor dari klinik yang membuat ujian air kencing itu, untuk membuat temujanji sekali lagi.

Mengapa dalam masa tiga minggu selepas buat ujian itu mereka tidak menghubungi kami bagi mengulangi ujian air kencing sekali lagi, mengapa tunggu disaat &ndash;saat genting di mana kami kehabisan masa?

Kerana saya dihambat masa, maka saya minta agar pemeriksaan air kencing itu dilakukan pada hari itu juga ( 5 Disember 2008) tetapi dimaklumkan kliniknya ditutup kerana sambutan Hariraya Aidiladha dan hanya dibuka semula pada 9hb. Disember 2008 (Selasa) . Maka sekali lagi saya terpaksa menghantar pembantu rumah ke klinik pada hari Selasa dan dikenakan bayaran tambahan pula.

Dalam pada mengalami mimpi ngeri dan menuruti segala kerena Fomema ini, saya sudah melewati lapan hari dari tempoh yang diberikan oleh pihak Imigresen. Kelewatan selama lapan hari ini fikir saya akan dimaafkan oleh pihak Imigresen, kerana ia berpunca dari agensi mereka sendiri iaitu Fomema yang melambat-lambatkan segala proses. Pada pagi 15hb. Disember 2008 saya pergi Imigresen Shah Alam dengan harapan dapat menyelesaikan segala hal yang tersangkut itu.

Di Imigresen Shah Alam saya didenda RM100 kerana pembantu rumah tinggal lebih masa. Mereka tidak dapat menerima alasan kelambatan itu berpunca dari Fomema. Denda tetap denda saya yang kena bayar, bukan Fomema kerana lebih masa itu. Saya bayar denda itu dengan tenang. Selepas membayar denda itu saya minta petugas Imigresen itu untuk terus baharui visa kerja pembantu rumah saya itu, Seorang yang duduk di sebelah saya semasa menunggu giliran di depan kaunter pekerja asing itu berkata kepada saya dengan suara yang agak tinggi &ldquo;Mengapa kita bayar denda kesalahan yang dibuat Fomema??? &rdquo;.

Seorang pegawai wanita Imigresen itu memberitau saya pihak Imigresen tidak boleh mengeluarkan permit yang saya mohon itu, walaupun setelah denda dibayar, kerana Fomema belum lagi &lsquo;on line&rsquo; mengenai rekod pemeriksaan X-ray dan Air Kencing pembantu rumah saya itu. Di hadapan pegawai Imigresen yang berkenaan itu juga saya menalifon sendiri Fomema untuk bertanya hal itu dan pihak Fomema memberitau sudah ada rekod pengesahan di hantar kepada Imigresen Putrajaya dan saya meemberikan talifon saya kepada pegawai Imigresen berkenaan untuk pengesahan dari Fomema itu. Tetapi pegawai Imigresen itu berkata hakikatnya maklumat&rsquo;on line&rsquo; berkenaan belum diterima oleh Imigresen Shah Alam. Tempat yang saya membuat urusan itu .

Pegawai Imigresen itu mencadangkan kepada saya untuk kembali ke pejabat saya dulu dan beliau akan menghubungi saya samada petang hari yang sama itu atau pagi esok. Saya tidak salahkan pegawai Imigresen itu, tetapi sitem yang bercelaru itu membuatkan saya begitu terkilan dengan keadaan ini. Satu Agensi Kerajaan dan satu lagi pihak yang diberi hak eksklusif untuk mengendalikan pemeriksaan kesihatan pekerja asing. Yang menjadi mangsa adalah RAKYAT.

Petang itu kira-kira jam 3.45 pegawai wanita Imigresen berkenaan menalifon saya memaklumkan semua dokumen selesai dan minta saya datang mengambil paspot yang mengandungi kelulusan visa kerja atau dipanggil permit kerja.

Sepanjang hari tersebut saya hanya memikirkan mimpi ngeri dengan Fomema itu. Saya betul-betul marah dan betul-betul kesal dengan situasi yang saya dan isteri saya alami . Isteri saya yang dikenali sebagai orang yang sangat penyabar, menjadi tidak keruan dengan keadaan itu, kerana dia berada bersama saya semasa menguruskan hal tersebut . Saya masih mampu bersabar, tetapi timbul perasaan jengkel dengan pihak yang selama ini mendabik dada menjalankan kerja dengan cekap dan profesional. Saya terfikir kumpulan &lsquo;PELAWAK&rsquo; manakah yang bertuah mendapat hak daripada pihak kerajaan untuk mengendalikan urusan yang boleh mengaut keuntungan wang yang berpikul-pikul ini.

Terbayang di kepala saya Kumpulan Pelawak ini setiap hari meraikan sesama mereka dengan gelak ketawa penuh &lsquo;sadis&rsquo;, sambil berkata , &ldquo;padan muka para majikan yang memerlukan pembantu rumah itu, mereka terpaksa akur dengan segala peraturan kita, dan kita bikin banyak wang!&rdquo; .

Isteri saya berbisik kepada saya semasa dalam perjalanan balik dari Imigresen Shah Alam itu, &ldquo; bodohnya kerajaan kita ye bang, part yang menguntungkan itu diswastakan , padahal Imigresen boleh kendalikan serentak dengan

mudah&rdquo; saya mengganggu.

Pegawai Imigresen yang membantu saya itu, barangkali ingin menenangkan saya dengan berkata &ldquo; Pagi ini pun ada orang yang sangat marah dengan Fomema, macam-macamlah kerenah Fomema ini..ramai orang marahlah....&rdquo;

Saya akau benar apa yang disebut itu. Saya dan isteri sempat bertanya orang-orang yang di kiri kanan kami di bahagian tempat duduk depan kaunter Pekerja Asing itu, yang meluahkan kesulitan mereka dengan berkata &lsquo;lecehlah berurusan dengan Fomema ini&rsquo; dan pelbagai dakwaan yang negatif lagi.

Saya ingin mencadangkan , agar pihak kerajaan mengkaji semula nilai kerja Fomema ini agar mereka tidak digelar Kumpulan Pelawak yang rapat dengan pihak atasan , berjaya mengambil kesempatan mengaut yang lumayan dengan nilai kerja yang sepatutnya dikendalikan oleh satu atau dua kaunter di pejabat Imigresen.

Malah adalah lebih baik lagi jika pihak kerajaan menilai semula keperluan Fomema ini kepada Imigresen. Yasng saya nampak Fomema langsung tidak membantu pihak Imigresen untuk mempercepatkan setiap permohonan menyambung permit kerja pekerja asing, tetapi sebaliknya menyekat kelancaran pihak Imigresen dari menyelesaikan kerja mereka , kerana menantikan satu lagi kelulusan pihak swasta memberikan ulasan .

Inilah yang dikatakan oleh pepatah Orang Kelanatan &lsquo;Ambil ketuat letak di dubur&rsquo; dengan meletakkan ketuat itu di dubur, sudah pasti amat menyusahkan kita bila hendak buang air besar !

Apa yang saya ingin nyatakan di sini, kalau saya sendiri tidak uruskan semua perkara ini maka saya sendiri tidak tahu betapa susahnya berurusan dengan agensi-agensi di bawah urusan pengambilan pembantu rumah dari luar negara ini!!! Terlintas di fikiran saya barangkali inilah juga antara faktor yang menyebabkan orang ramai menyampah terrhadap kerajaan umumnya dan ditunjukkan melalui PRU 12 baru-baru ini.

Akhir kata, janganlah disebabkan &lsquo;Nila Setitik Rosak Susu Sebelanga&rsquo; pihak Imigresen kita selama ini menjalankan kerja dengan baik, tetapi dengan adanya Fomema ini (dengan nilai kerja yang tak terkawal itu) orangramai merangkumkan agensi pembuat wang itu (Fomema) sebahagian dari jabatan kerajaan yang ada dalam sistem Imigresen. Inilah yang kena dikaji semula dan dicari jalan mengatasinya segera !.